iv) Memastikan pelaksanaan dasar latihan dalam sektor awam pada peringkat pusat dan pusat tanggungjawab,

v) Menentukan dasar pelaksanaan PBU UUM yang berasaskan kepada peraturan dan pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan JPA,

vi) Meluluskan keperluan belanjawan untuk pelaksanaan semua aktiviti PBU, dan

vii) Menimbang kes-kes rayuan.

4.4 **Keperluan Mata PBU**

4.4.1 Jumlah jam/mata yang dicadangkan adalah berdasarkan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005) di mana setiap penjawat sektor awam dikehendaki mengikuti kursus/latihan 42 jam/7hari setahun.

4.4.2 Semua staf pentadbiran dan akademik perlu mencapai mata kredit minima 42 yang meliputi komponen latihan dan pengembangan ilmu serta kemahiran. Keperluan mata minima untuk semua gred adalah seperti berikut:-

Staf Pentadbiran

Gred	Komponen Latihan	Pengembangan Ilmu dan Kemahiran	Jumlah
1 - 16	20	22	42
17 - 40	30	12	42
41 - 54	30	12	42

Staf Akademik

KATEGORI/ KOMPONEN	Belum sah jawatan	Telah sah jawatan		
	Gred 41/45/51/53	Gred 45	Gred 52	Gred 54
Kategori Latihan	30	30	30	30
Kategori Pengembangan Ilmu dan Kemahiran	12	12	12	12

4.4.2.1 Bagi staf baru, keperluan mata kredit minima adalah berdasarkan baki bulan yang tinggal pada tahun semasa.

4.4.2.2 **Sumbangan Mata PBU Di Dalam Laporan Prestasi Tahunan**

Sumbangan mata PBU di dalam Laporan Nilaian Prestasi Tahunan **(LNPT) adalah 20%. (Pelaksanaan akan bermula pada tahun 2011)**

4.4.2.3 **Pengumpulan Mata PBU**

Pengumpulan mata PBU pada tahun semasa tidak dibenarkan untuk dibawa ke tahun hadapan.

4.4.3 Pemberat Bagi Kursus Wajib/Induksi

Pemberat bagi kursus wajib/induksi adalah seperti berikut:-

Kursus	Mata PBU
Kursus Induksi Umum	5 mata
Kursus Induksi Khusus	5 mata
Kursus Biro Tatanegara	5 mata
UUMKu Cemerlang (bagi staf baru melapor diri sahaja)	6 mata
Penempatan Industri (sebulan dan ke atas)	Mata Penuh PBU
Dipinjamkan ke agensi lain kurang 1 tahun atas kepentingan perkhidmatan	Mata Penuh PBU